

GM Klang sasar ruang sewa naik 30%

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

KLANG – Pusat Borong GM Klang menyasarkan permintaan ruang sewaan perniagaannya meningkat lebih 30 peratus tahun ini berbanding sebelumnya.

Pengurus Komunikasi Jenama pusat borong tersebut, Norsuhaida Othman berkata, proses pemulihan ekonomi pada masa sekarang telah menggalakkan operasi perniagaan sekali gus mendorong kepada permintaan sewaan ruang perniagaan yang lebih tinggi di GM Klang.

Menurut beliau, pertambahan kunjungan sehingga 20,000 orang sehari ke premis berkenaan menunjukkan kuasa beli pengguna turut meningkat.

“Penawaran platform perniagaan yang komprehensif, pelbagai pilihan ruang komersial yang sedia untuk disewa dan kemudahan fasiliti yang lengkap pastinya memberi manfaat perniagaan yang efektif untuk usahawan memulakan ataupun meluaskan perniagaan mereka di GM Klang,” katanya dalam kenyataan.

Norsuhaida menerangkan, inisiatif syarikat melalui perbelanjaan pengiklanan dan promosi yang dipertingkatkan juga berjaya mengukuhkan aktiviti



JENAMA GM Klang terus kukuh ekoran permintaan daripada usahawan untuk membuka perniagaan di pusat borong tersebut.

penjenamaan GM Klang.

Lebih menarik, pusat borong itu juga telah mendapat banyak pertanyaan positif daripada peniaga luar mengenai ruang perniagaan.

“Ini menunjukkan jenama GM Klang masih mendapat kepercayaan dalam kalangan usahawan di seluruh negara dan juga kepada orang ramai,” ujarnya.

Mengulas lanjut beliau berkata, GM Klang sedang giat melaksanakan pelbagai program untuk

mempelbagaikan penawaran bukan saja produk tempatan malah antarabangsa.

Norsuhaida memberitahu, langkah pembukaan beberapa pameran produk yang berskala besar bukan sahaja menawarkan pelbagai produk berpotensi untuk diniagakan tetapi juga turut berperanan sebagai sebuah platform yang memudahkan usahawan melakukan transaksi perniagaan tanpa perlu lagi terbang ke luar negara.